

03 FEB 1998

DR MAHATHIR MELAWAT THAILAND, FILIPINA

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja singkat ke Thailand dan Filipina minggu ini untuk membincangkan mengenai kegawatan ekonomi dan kewangan yang melanda negara-negara di rantau ini.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra, Dr Mahathir akan bertukar-tukar pandangan mengenai keadaan itu dengan rakan sejawatannya Chuan Leekpai dan Presiden Fidel Ramos semasa lawatan tiga hari bermula Khamis ini.

Perdana Menteri sebelum ini mengadakan pertemuan serupa dengan Presiden Suharto dari Indonesia dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong bulan lepas.

Kali terakhir Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Chuan dan Ramos ialah semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini Disember lalu.

Dr Mahathir akan diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan delegasi kecil terdiri pegawai di Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Luar.

-- Bernama
azz oba